

Headline **Kerajaan rancang pusat inovasi kejuruteraan digital**  
Date **23 Oct 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **27**  
Article Size **222 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **4,709**  
PRValue **14,127**



# Kerajaan rancang pusat inovasi kejuruteraan digital

## Penubuhan bantu industri percepat pemprosesan modul kerja

Shahrizan Salian

**K**ERAJAAN merancang menubuhkan Pusat Inovasi khas pembangunan dan penyelidikan kejuruteraan digital bagi menggalakkan penggunaan teknologi berkenaan dalam industri berdaya maju.

Kejuruteraan digital merujuk kepada penggunaan kaedah perkomputeran sepenuhnya dalam menghasilkan modul kerja industri berprestasi tinggi seperti automotif, maritim dan aeroangkasa.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Fadillah Yusof, berkata ketika ini kerajaan, menerusi Mimos Bhd sudah menubuhkan pusat kecemerlangan penyelidikan kejuruteraan digital dengan kerjasama enam uni-

versiti tempatan.

Katanya, antara bidang penyelidikan kejuruteraan digital yang dilaksanakan Mimos dan universiti terbabit termasuk marin serta teknologi maklumat dan komunikasi maya.

“Penubuhan Pusat Inovasi berkenaan dapat membantu industri mempercepatkan sistem pemprosesan modul kerja serta meningkatkan

diakan maklumat mengenai aplikasi kejuruteraan digital berteknologi tinggi berasaskan kajian kes industri automotif Jepun.

Hadir sama Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiG-HT), Mohd Yusoff Sulaiman.

Fadillah berkata, kejuruteraan digital adalah salah satu daripada sektor yang ditekankan kerajaan dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan mempercepatkan hasrat Malaysia untuk menjadi negara berasaskan inovasi.

“Menerusi kaedah kejuruteraan digital, syarikat tempatan dapat bersaing dengan lebih baik pada peringkat global, justeru kerajaan akan terus menjalankan lebih banyak program untuk menggalakkan penggunaannya,” katanya.



produktiviti serta prestasi masing-masing.

“Perincian mengenai penubuhan Pusat Inovasi berkenaan akan diumumkan dalam Bajet 2010, esok (hari ini),” katanya selepas melancarkan Persidangan Kejuruteraan Digital Nasional (Nadec 2009) di Putrajaya, semalam.

Nadec 2009 ialah persidangan teknikal yang menye-

**“Perincian mengenai penubuhan Pusat Inovasi berkenaan akan diumumkan dalam Bajet 2010”**

**Fadillah Yusof**  
Timbalan Menteri Sains,  
Teknologi dan Inovasi